



# UniSHAMS

## IKLAN JAWATAN NAIB CANSOLOR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) mempelawa calon-calon yang berkelayakan dan berwibawa untuk mengisi jawatan Naib Canselor di UniSHAMS. Naib Canselor adalah seorang Ketua Eksekutif yang bertanggungjawab memastikan semua peruntukan Perlembagaan UniSHAMS, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan dipatuhi dan menjalankan pengawasan am ke atas segala perkiraan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib universiti serta boleh menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan dan peraturan-peraturan. Maklumat jawatan adalah seperti berikut;

### A. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	: Naib Canselor / Ketua Eksekutif
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred	: Gred Utama B (VU / VK 6)
Jumlah Gaji	: Minimum - RM8,315.00 - Maksimum - RM21,456.00 (Mengikut jadual gaji minimum – maksimum)
	: Tidak Termasuk Elaun
	: Konsep <i>Not Less Favaourable</i>
Kaedah Pengisian	: Peminjaman / Kontrak
Tempoh Lantikan	: Dua (2) atau Tiga (3) Tahun (Tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengelola Universiti)

### B. KELAYAKAN

- 1) Calon mempunyai kelayakan PhD dalam mana-mana jurusan.
- 2) Calon hendaklah telah menjawat jawatan sekurang-kurangnya Profesor Gred VK7.
- 3) Calon hendaklah Profesor di dalam bidang Pengajian Islam atau Bahasa Arab atau bidang-bidang lain yang mengutamakan penerapan nilai-nilai Islam dalam akademik.
- 4) Calon hendaklah memiliki pengalaman menguruskan IPT sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun. Pengalaman pengurusan yang diambil kira ialah; Timbalan Naib Canselor, Dekan, Ketua Jabatan / Bahagian, Pengarah Pusat / Bahagian dan Pengarah Syarikat.
- 5) Calon Ketua Eksekutif adalah bebas daripada disabitkan dengan sebarang kes rasuah, penipuan dan salah laku jenayah semasa dilantik serta bebas daripada disabitkan dengan sebarang kesalahan yang membawa kepada hukuman denda dan penjara lebih daripada dua (2) tahun semasa dilantik.
- 6) Ketua Eksekutif yang dilantik juga digalakkan untuk mempunyai kelayakan dalam Sarjana Pentadbiran Perniagaan atau lain-lain pendedahan latihan pengurusan peringkat tinggi / *advanced level*.

### C. KRITERIA UMUM

<b>Kecemerlangan Akademik</b>	Pemohon mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat <i>command of respect</i> dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
<b>Pengiktirafan Antarabangsa</b>	Penyandang mestilah diiktiraf oleh <i>peers</i> antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
<b>Reputasi</b>	Menjadi " <i>role model</i> " kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan <i>proven track record</i> serta disanjung baik dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
<b>Personaliti</b>	Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, <i>team player</i> serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Penyandang juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan mentaliti kelas pertama.
<b>Berfikiran Jauh dan Kritis</b>	Penyandang mestilah berkemampuan untuk berfikiran jauh dalam menentukan hala tuju dan visi pembangunan dan kecemerlangan organisasi selain mempunyai kemampuan untuk menganalisa, mensintesis dan membuat penilaian secara holistik dalam menyelesaikan masalah.
<b>Berintegriti</b>	Penyandang perlulah mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tatatertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.
<b>Kapasiti Menjana Pendapatan</b>	Penyandang mestilah mempunyai minda keusahawanan seperti cekap melihat peluang, berani mengambil risiko bagi meneroka peluang-peluang baharu serta berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan sumber secara optimum untuk menjana pendapatan Universiti.
<b>Menghayati Agenda Nasional / Negeri</b>	Penyandang perlu menangani perubahan dan membawa organisasi ke arah kecemerlangan serta bersedia untuk melaksanakan transformasi demi melonjakkan reputasi organisasi. Penyandang juga perlu mampu untuk menghargai kepelbagaian serta merealisasikan dasar-dasar negara / negeri dan agenda nasional / negeri.

### D. KRITERIA TAMBAHAN

Keutamaan kepada calon-calon yang memiliki kriteria-kriteria tambahan seperti berikut:

- 1) Memiliki pengetahuan yang mendalam tentang falsafah Pendidikan Islam.
- 2) Memiliki pengetahuan yang mendalam tentang falsafah Pendidikan Islam di peringkat antarabangsa
- 3) Memahami konsep tentang Pendidikan Islam dalam masyarakat majmuk.
- 4) Memiliki komitmen untuk melaksanakan epistemologi Islam dalam pendidikan tinggi.

## E. KPI NAIB CANSELOR UNISHAMS

- 1) Peningkatan penarafan akademik di peringkat kementerian seperti SETARA, MyRA, serta penarafan di peringkat global seperti QS dan THE.
- 2) Kelestarian kewangan seperti kemasukan pelajar secara keseluruhan, kemasukan pelajar perubatan, kemasukan pelajar antarabangsa, pendapatan selain yuran, sumbangan serta endowmen.
- 3) Penambahbaikan kemudahan untuk pelajar serta fasiliti pembelajaran di kampus.
- 4) Pematuhan regulatori seperti audit KPT, audit MQA, audit kewangan, pengurusan risiko, perundangan dan tadbir urus pentadbiran.
- 5) Kemajuan jaringan kerjasama pengajian tinggi serantau dan Asia Barat, jaringan industri, komuniti dan hubungan dengan sektor awam.
- 6) Pencapaian Pelan Strategik UniSHAMS 2035.
- 7) Keberhasilan pembentukan budaya BARAKAH dan nilai teras di dalam organisasi.

## F. CARA PERMOHONAN

Permohonan bagi jawatan Naib Canselor Gred Utama B (VU / VK6) perlulah dikemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut:

- i. Surat permohonan rasmi;
- ii. Ringkasan *Curriculum Vitae* (CV) Kepimpinan;  
(CV lengkap yang merangkumi latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan dan kerjaya, anugerah dan hadiah yang diterima, sumbangan-sumbangan besar kepada pembangunan Universiti dan Negara perlu disertakan bersama)
- iii. Sekeping gambar terkini berukuran passport;
- iv. Salinan sijil;
- v. Kertas cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek serta jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Naib Canselor; dan
- vi. Dokumen-dokumen sokongan yang lain.

## G. MAKLUMAN

- i. Tarikh akhir permohonan adalah pada **15 Februari 2024 (Khamis)**.
- ii. Hanya permohonan yang disenaraikan pendek sahaja akan dijemput untuk sesi temuduga. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- iii. Permohonan lengkap hendaklah dialamatkan kepada;

Pendaftar,  
Universiti Islam Antarabangsa  
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)  
Aras 2, Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Abdul Razak,  
09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman.  
E-mel: [pendaftar@unishams.edu.my](mailto:pendaftar@unishams.edu.my)

- iv. Permohonan tidak boleh dipertimbangkan sekiranya; tidak disertakan salinan dokumen-dokumen seperti di atas, tidak lengkap atau tidak jelas, tidak memenuhi kriteria umum seperti yang ditetapkan dalam iklan.

v. Sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan, sila hubungi;

Encik Mohd Hanif bin Mohamad Hadzir  
Penolong Pendaftar  
[hanifhadzir@unishams.edu.my](mailto:hanifhadzir@unishams.edu.my)  
No. Tel: 013-4221386



# UniSHAMS

جامعة السلطان عبد الحليم معظّم شأه الإسلامیة العالمیة  
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah